

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OGOS 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Ekonomi Madani bawa Malaysia negara berpendapatan tinggi

Ekonomi Madani bawa Malaysia negara berpendapatan tinggi

KUALA LUMPUR – Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghafour berkata, dasar ekonomi dan kewangan hari ini bakal menentukan hala tuju dan trajektori pembangunan negara pada masa depan.

Menurutnya, rencana dasar Ekonomi Madani memerlukan tekad dan laksana untuk membebaskan Malaysia daripada terjerat sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana dan menuju ke arah negara berpendapatan tinggi.

"Namun begitu, wawasan Ekonomi Madani menuntut lebih daripada itu. Jurang antara golongan yang kaya dan miskin semakin meluas.

"Ia perlu ditangani dan diimbangi dengan pembangunan sebuah masyarakat yang inklusif, adil, saksama dan mengekalkan integriti sosial," katanya ketika berucap pada Majlis Jalinan Kerjasama iTEKAD di BNM di sini semalam.

Hadir sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Shaik Abdul Rasheed berkata, sektor kewangan berperanan penting untuk memangkinkan pertumbuhan sesebuah ekonomi dan perlu menjadi pengantara antara mereka yang berpenda-



Sasana Kijang



SHAIK ABDUL RASHEED berucap pada Majlis Jalinan Kerjasama iTEKAD di Sasana Kijang, BNM, Kuala Lumpur semalam.

patan lebih dengan mereka yang memerlukan dana, menyediakan modal dan kredit kepada ekonomi.

Katanya, selain itu, ia memudahkan pelbagai jenis transaksi kewangan dan memungkinkan pengurusan risiko melalui pelbagai instrumen dan juga produk.

Mengulas lanjut katanya, BNM berhasrat untuk membangunkan sektor kewangan progresif, teguh, telus dan bertanggungjawab serta mampu menyumbang kepada kemajuan yang lebih adil, setara, bermakna dan inklusif.

"Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 merupakan rencana BNM ke arah matlamat ini, yang mana ia lahir dengan tiga objektif utama iaitu kewangan untuk semua, kewangan untuk transformasi dan juga kewangan untuk kelestarian.

"Pelan ini bermisi untuk menjadikan sektor kewangan lebih dinamik demi memenuhi keperluan ekonomi dan menjadikannya lebih terangkum, memberi nilai kepada pihak berkepentingan dan adil kepada pengguna," katanya.